

06 APR 1997

Mahathir-Hubungan

MALAYSIA DAN KUWAIT BUKA LEMBARAN BARU

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDARAYA KUWAIT, 6 April (Bernama) -- Malaysia dan Kuwait hari ini membuka lembaran baru dalam hubungan dua hala yang masih pada tahap rendah terutama kegiatan perdagangan dengan mencapai beberapa persetujuan antaranya mewujudkan semula kerjasama dalam bidang perkhidmatan penerbangan dan perhubungan laut.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kedua-dua pihak bersetuju supaya perbincangan selanjutnya ke arah itu diadakan seberapa segera.

Bagi pihak Kuwait, ia akan menghantar satu rombongan ke Malaysia yang antara lain untuk mengkaji kejayaan konsep penswastaaan negara dan kerjasama dalam bidang berkaitan petroleum, katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri pertemuan dua hala dengan pemimpin Kuwait di sini.

"Hubungan kedua-dua negara walaupun baik tetapi ia agak rendah terutama dari segi kegiatan perdagangan yang perlu dipertingkatkan," katanya

Dr Mahathir yakin kerjasama dalam perkhidmatan penerbangan dan hubungan laut akan meningkatkan hubungan perdagangan kedua-dua negara.

Katanya kerjasama antara syarikat penerbangan Malaysia dan Kuwait boleh dijalini menerusi perkongsian kod dan ini membolehkan Penerbangan Malaysia dapat terus ke destinasi lain.

Kedua-dua pihak akan mengadakan perbincangan mengenai perjanjian pendaratan perkhidmatan syarikat penerbangan kedua-dua negara tidak lama lagi.

Sebelum ini Penerbangan Malaysia hanya menjadikan Kuwait tempat persinggahan dalam perjalanan ke Eropah dan London kerana ketika itu pesawat tidak boleh terbang jauh dan pada masa yang sama Penerbangan Malaysia memindahkan operasinya ke Dubai.

Bagaimanapun, katanya, memandangkan kini Penerbangan Malaysia sudah mempunyai pesawat yang boleh terbang jauh dan Kuwait Airways pula menghentikan perkhidmatannya ke Kuala Lumpur, kedua-dua pihak memikirkan adalah baik kerjasama dalam perkhidmatan itu dijalin semula.

Dr Mahathir berkata hubungan perdagangan kedua-dua negara berada pada tahap rendah kerana ahli perniagaan Malaysia sendiri tidak memberi tumpuan kepada Kuwait sedangkan ia satu pasaran yang agak kaya dan mengimport banyak barangan dari negara asing kerana ia tidak ada industri mengeluarkan barangan.

Kita cuma tahu Kuwait mengeluarkan petroleum dan membeli minyak daripadanya, katanya.

Selain itu, katanya, ada barangan buatan Malaysia dieksport ke Kuwait dengan jenama asing dan Malaysia telah memaklumkan kepada kerajaan Kuwait bahawa kebanyakan barangan itu dibuat oleh syarikat Malaysia sendiri walaupun ia menggunakan label asing.

"Kita harap Kuwait dapat menerima barangan buatan Malaysia setaraf dengan barangan keluaran negara terkemuka," katanya.

Dr Mahathir yakin hasil lawatannya ke Kuwait akan menggerakkan hubungan perdagangan antara ahli perniagaan kedua-dua pihak walaupun pada masa ini hubungan antara mereka sudah ada.

Sehubungan itu, beliau menasihati ahli perniagaan Malaysia supaya menjalankan kajiselidik terhadap bidang yang mereka boleh mengadakan kerjasama dengan ahli perniagaan Kuwait.

"Saya yakin ada peluang kerana ahli perniagaan Kuwait mempunyai perniagaan besar dengan negara-negara asing tetapi tidak dengan Malaysia,"

katanya.

Perdana Menteri juga berkata Kuwait amat berminat mempelajari konsep penswastan yang dianggapnya sebagai satu usaha yang berjaya.

"Kita jemput mereka untuk mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak terbabit dalam melaksanakan konsep penswastan seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU)," katanya.

Daripada segi kerjasama antara Petronas dan Syarikat Petroleum Kuwait, Dr Mahathir berkata kedua-dua agensi itu boleh menjalankan usahsama mencari minyak di kawasan baru di negara masing-masing atau melaksanakannya di negara ketiga.

Mengenai lawatannya ke Kuwait, Dr Mahathir berkata "Kita nampak sambutan baik oleh kerajaan Kuwait dan persediaan amat memuaskan dan ini boleh dianggap satu petanda bahawa Kuwait melihat Malaysia sebagai sahabat seperti mana Malaysia menganggapnya sebagai sahabat." -- BERNAMA

ARA RON